

ACEVIZ

Acetylcysteine Powder for Oral Solution 600 mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ACEVIZ
2. Bagaimana ACEVIZ berfungsi
3. Sebelum menggunakan ACEVIZ
4. Cara menggunakan ACEVIZ
5. Semasa menggunakan ACEVIZ
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ACEVIZ
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini
11. Nombor siri

Apakah kegunaan ACEVIZ

ACEVIZ digunakan untuk semua penyakit saluran pernafasan yang membawa kepada pembentukan rembesan tebal sukar dibuang, seperti bronkitis akut dan kronik, laringitis, sinusitis, trakeitis, influenza, asma bronkial dan (sebagai rawatan pelengkap) mucoviscidosis.

Bagaimana ACEVIZ berfungsi

Setiap paket mengandungi bahan aktif acetylcysteine. Acetylcysteine tergolong dalam sekumpulan ubat-ubatan yang dipanggil mukolitik yang berfungsi dengan menipis mukus (kahak) supaya ia boleh dibekalkan dengan lebih mudah.

Sebelum menggunakan ACEVIZ

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ACEVIZ jika:

- anda alah kepada bahan-bahan produk ini
- anda hamil, cuba untuk hamil atau fikir anda mungkin mengandung
- anda sedang menyusukan bayi

-Sebelum menggunakan ACEVIZ

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil apa-apa ubat. Sila pastikan anda memahami penjelasan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini. Bercakap kepada doktor / ahli farmasi anda jika anda

mempunyai masalah berkaitan kesihatan yang lain.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk mana-mana yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya dan kedai makanan kesihatan. Beritahu doktor jika anda mengambil ubat berikut sebelum memulakan ACEVIZ:

- ubat untuk merawat batuk (contohnya sirap batuk)
- *activated charcoal*, digunakan untuk merawat keracunan
- ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria, antibiotik (contohnya cefalexin, cefuroxime, cefadroxil, cefaclor, ceftriaxone)
- ubat-ubatan untuk merawat serangan angina, (sesak pada dada, leher dan lengan) (contohnya glyceryl trinitrate)

Cara menggunakan ACEVIZ

-Berapa banyak harus digunakan

Dos yang disyorkan untuk pesakit dewasa adalah satu paket (600 mg) sehari.

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak di bawah umur dua (2) tahun.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ACEVIZ untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Cuba memberikan ACEVIZ seperti yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, jika anda terlewat satu dos, hanya meneruskan jadual biasa satu paket sekali sehari.

Jangan beri dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda. ACEVIZ yang berlebihan akut boleh menyebabkan gejala gastrousus seperti mual, muntah dan cirit-birit.

Semasa menggunakan ACEVIZ

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan ACEVIZ.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan menyusukan bayi apabila mengambil ACEVIZ.

Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan memberi ACEVIZ kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya gejala keadaan anak anda semakin teruk, hubungi doktor anda dengan serta-merta.

Kesan-kesan sampingan

ACEVIZ boleh menyebabkan alergi teruk dan tindak balas kulit yang serius. Berhenti menggunakan ACEVIZ dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang simptom berikut:

- Alergi yang teruk: kesukaran bernafas, pening, pembengkakan kulit atau ruam.

ACEVIZ

Acetylcysteine Powder for Oral Solution 600 mg

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

- Reaksi kulit yang teruk: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web www.npra.moh.gov.my (Public Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI).

Cara penyimpanan dan pelupusan ACEVIZ

-Penyimpanan

Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C.

Produk ini harus digunakan sebagai penggunaan tunggal.

Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Serbuk berwarna putih dan selepas bercampur dalam air ia akan membentuk air yang berwarna jelas.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Acetylcysteine
- Bahan tidak aktif
Vitamin C, Sodium
Saccharin, Sucrose, Flavour
Orange.

-Nombor MAL:

Pengilang

XL Laboratories Pvt. Ltd.
E-1223, Phase-I Extn., (Ghatal)
RIICO Indl. Area, Bhiwadi-301019,
Rajasthan, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn.Bhd
74-3, Jalan Wangsa Delima 6,
KLSC Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini

-11/02/2019

Nombor siri

NPRA(R2)19/4